

SUMBANGAN USTAZ HANAN ATTAKI BERKAITAN HADITH MELALUI MEDIA SOSIAL APLIKASI YOUTUBE

Aina Najihah Binti Sham¹
Nor Izswana Binti Irwan²
Nur Fatihah Binti Norazri³
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (E-mail: norizswana74@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (E-mail: Theainanajihah403@gmail.com)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (E-mail: tihazri00@gmail.com)

⁴Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Pada masa kini, kemudahan untuk berdakwah atau mendalami ilmu agama sangat mudah didapati tidak kira masa dan tempat terutamanya di laman media sosial. Seperti yang diketahui, media sosial telah menjadi salah satu keperluan penting hampir setiap orang. Antara media sosial yang paling banyak digunakan ialah youtube. Youtube adalah sebuah web video perkongsian dimana pengguna dapat memuat, menonton, dan berbagi klip video secara percuma. Hal ini menyebabkan masyarakat dapat menggunakan laman youtube ini dengan sebaiknya seperti menonton video-video dakwah. Terdapat pelbagai video yang berbentuk motivasi dan tarbiah diri tentang kehidupan seharian manusia oleh penceramah yang sangat dikenali, digemari dan diyakini masyarakat seperti Ustaz Hanan Attaki. Beliau telah memberi banyak sumbangan melalui motivasinya yang diselitkan dengan hadith sahih yang berkaitan dengan hujahnya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis sumbangan Ustaz Hanan Attaki berkaitan hadith melalui aplikasi youtube. Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu melalui kajian pemerhatian dan kaedah tinjauan melalui google form. Hasil kajian ini mendapati bahawa hampir kesemua responden berpendapat tentang kredibiliti Ustaz Hanan Attaki yang dapat mengubah fikiran dan tanggapan manusia bukan hanya menjadi lebih positif malah dapat mengamalkan hadis dalam kehidupan seharian. Tuntasnya, kewujudan platform youtube dapat memberi kemudahan kepada kita untuk urusan dakwah kepada masyarakat dan menjadikannya sebagai salah satu medium pembelajaran agama dengan mengikut panduan yang betul dan sesuai.

Kata Kunci: Sumbangan, Ustaz Hanan Attaki, Hadith, Youtube,

Pendahuluan

Dalam meniti kehidupan pada marcapada, pelbagai lapisan masyarakat khususnya yang beragama islam sudah tidak asing lagi dengan kewujudan internet yang dapat mempengaruhi mereka dengan pengetahuannya. Akan tetapi, sebahagian besar dari mereka lebih cenderung kepada keburukan media sosial sehingga menyebabkan mereka kehilangan jati diri dan kelakuan yang tiada nilai murni. Oleh sebab itu, kami ingin membuat kajian tentang sumbangan Ustaz Hanan Attaki berkaitan hadith melalui aplikasi youtube. Dengan harapan, hasil daripada kajian ini dapat memberikan impak kepada mereka yang sedang dilanda masalah fizikal mahupun mental.

Umum mengetahui bahawa, aplikasi youtube tidak lekang dengan pengetahuan yang berbagai. Masyarakat yang sedang mengalami masalah mental dan fizikal, kesan dari media sosial dapat melayari aplikasi youtube lalu mengikuti saluran Ustaz Hanan Attaki yang banyak memberi nasihat, kata-kata semangat beserta hadith sahih yang boleh menjadikan panduan kepada mereka untuk meningkatkan keyakinan dan dapat menyelesaikan masalah mereka dengan matang dan mengikut syariat.

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengenalpasti sebanyak tiga objektif kajian yang merujuk kepada dasar kajian tersebut. Pertama sekali, objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan tentang sumbangan Ustaz Hanan Attaki dalam bidang hadith melalui aplikasi Youtube. Keduanya adalah untuk menganalisis video – video Ustaz Hannan Attaki di Youtube berkenaan hadith. Hal ini kerana beliau sering memasukkan hadith Nabi sebagai hujah dalam ceramah beliau. Akhir sekali, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan dakwah Ustaz Hannan Attaki melalui aplikasi Youtube. Sebagai contoh, gaya pemakaian beliau yg bersahaja dan cara percakapan beliau yang lembut dapat menarik perhatian masyarakat khususnya remaja untuk mendengar ceramah beliau. Secara tuntasnya, pelbagai kelebihan yang ditawarkan oleh media social yang meliputi penyebaran pelbagai mesej komunikasi dakwah seiring dengan konsep amar maaruf nahi munkar yang dititikberatkan dalam Islam.

Latar Belakang Ustaz Hanan Attaki

Ustaz Hanan Attaki lahir di Aceh pada tanggal 31 Desember 1981. Beliau merupakan anak ke lima daripada tujuh beradik. Isteri beliau bernama Haneen Akira. Ustaz Hanan Attaki juga mempunyai tiga orang zuriat bersama isterinya yang bernama Maryam, Aisyah, dan Yahya. Sejak lahir, Ustaz Hanan Attaki telah memiliki kepandaian yang tidak dimiliki oleh kebanyakan anak pada masa tersebut. Buktinya, beliau telah berjaya mendapatkan biasiswa hingga melanjutkan pelajarannya di Mesir. Setelah menghabiskan pembelajarannya di Mesir, beliau kemudian kembali dan menetap di kota Bandung di Indonesia bersama istri dan anaknya. Di Bandung, Ustaz Hanan bekerja sebagai tenaga pengajar di SQT (Sekolah Qur`an Tafsir) Habiburrahman dan Jendela Hati, dan menjadi pengarah di Rumah Qur`an Salman di ITB (Institut Teknologi Bandung) di kota Bandung. Beliau mendirikan gerakan Pemuda Hijrah pada bulan March 2015 sebagai media dakwahnya yang sangat popular di laman Youtube.

Ustaz Hanan Attaki merupakan seorang pendakwah yang terkenal kerana memiliki gaya dakwah yang berbeza dari pendakwah yang lain. Pemilik akaun Instagram @hanan_attaki ini memiliki suara yang sangat merdu dan lembut. Beliau juga memiliki suara yang sangat menarik ketika membaca Al-Qur'an dan menjadi imam solat. Hal ini membuat orang yang mendengarkannya dapat berasa khusyuk dan tenang. Ustaz Hanan Attaki juga selalu mengutamakan anak-anak muda di dalam setiap ceramahnya, salah satu usahanya adalah dengan mendirikan gerakan Pemuda Hijrah. Gerakan Pemuda Hijrah Ustaz Hanan Attaki memberi fokus kepada anak-anak muda dengan menggunakan sosial media seperti Facebook, Twitter, Instagram dan YouTube sebagai media dakwah beliau.

Dakwah yang disampaikan oleh Ustaz Hanan Attaki tertuju kepada generasi anak muda dengan mengajak mereka untuk hijrah ke jalan yang benar. Ustaz Hanan Attaki di dalam ceramahnya banyak berpesan tentang perbuatan tercela yang dilakukan pada usia remaja. Maka tidak hairan di setiap ceramah yang diadakan, Ustaz Hanan Attaki suka memberi jolokan khusus untuk anak muda yang masih belum berkahwin ataupun belajar. Tujuannya adalah supaya mereka menjadi orang yang taat pada agama dan senantiasa menjauhi larangan-Nya. Gaya penampilan Ustaz Hanan Attaki juga sangat berbeza daripada pendakwah lain kerana setiap kali menyampaikan dakwahnya beliau berpenampilan tidak ubah seperti anak muda. Meskipun berpenampilan kasual dan sederhana, Ustaz Hanan Attaki tetap menjadi seseorang yang di kagumi kebanyakan orang khususnya dalam kalangan anak muda. Tujuannya berpenampilan seperti itu adalah untuk mengajak golongan muda dan menarik minat mereka untuk mendekati dan menyelami dakwah beliau.

Medium untuk pendakwah menyampaikan ilmu pada zaman kini lebih luas dan terbuka terutamanya melalui platform media sosial seperti YouTube, TikTok dan pelbagai lagi. Sesiapa sahaja boleh bercakap tentang apa-apa sahaja dan dapat menarik minat dan pengikut tersendiri. Perkara tersebut adalah suatu perkembangan yang baik jika dimanfaatkan dengan sifat tanggungjawab dan amanah terhadap ilmu serta dapat merencanakan program keilmuan dan dakwah apatah lagi kebanyakan khalayak di media sosial adalah golongan remaja dan anak muda.

Kajian Literatur

Di dalam kajian literatur ini, para pengkaji akan membincangkan tentang dua tajuk yang berkaitan, iaitu antara tajuk tajuknya ialah Ustaz Hanan Attaki dan sumbangan media sosial dalam dakwah.

Ustaz Hanan Attaki

Syamsiani Syams telah menjalankan kajian mengenai Hanan Attaki yang merupakan seorang penceramah muda yang sedang mendapatkan popularitinya. Hanan memiliki majlis bernama Gerakan Pemuda Hijrah yang rutin mengadakan kajian setiap hari Rabu di Kota Bandung. Kekhasan Hanan Attaki dalam memilih tema kajian yang bersifat up to date serta gaya penyampaian materi ceramah yang kekinian, menjadikan jemaahnya didominasi kaum muda. Setidaknya, sekitar 4000 orang rutin menghadiri kajian Gerakan Pemuda Hijrah tersebut. Selain ceramah secara langsung, Hanan juga memanfaatkan media sosial sebagai media dakwahnya. Akaun youtube Hanan telah diikuti jutaan orang.⁷ Oleh itu, melihatkan potensi keberkesanan Ustaz Hanan Attaki dalam menyampaikan dakwahnya menerusi aplikasi youtube pastinya dapat menarik perhatian semua lapisan umur dan dapat memberikan kesan yang baik kepada mereka.

Satu kajian yang lainnya juga telah dijalankan oleh Mega Indah dimana kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana konsep dakwah di era millennial, dan metode dakwah ustaz Hanan Attaki, sehingga peneliti berasumsi berdasarkan adanya fenomena bahwa dakwah ustaz Hanan Attaki dalam media sosial youtube, facebook dan lain sebagainya. Berdasarkan hasil kajian dalam konsep dakwah ustaz Hanan Attaki untuk memperbaiki perilaku anak remaja di era millennial. Dengan kemajuan teknologi dan alat modern membantu konsep dakwah yang dipraktikkan ustaz Hanan Attaki patut diwujudkan untuk meraih keberhasilan dakwah. Apalagi di era milenial saat ini masyarakat di pertemukan dengan permasalahan hidup yang pelik. Ustaz Hanan Attaki dalam dakwahnya menyatukan metode dakwah pada zaman dulu dan sekarang.⁸

⁷ Syams, S. (2019). PEMAKNAAN HADIS OLEH HANAN ATTAKI DALAM DAKWAHNYA DI YOUTUBE. *Jurnal Living Hadis*, 4(2), 209.

⁸MEGA INDAH, 12311173001, & BOBBY RACHMAN SANTOSO, M. S. I. (2021, March 3). KONSEP DAKWAH USTADZ HANAN ATTAKI TENTANG PERILAKU REMAJA DI ERA MILLENIAL.

Seterusnya, Muhamad et al. (2019) telah menjalankan kajian yang menerangkan tentang Hanan Attaki adalah salah satu ustaz masa kini yang dekat dengan khalayak milenial yang tidak boleh jauh dari adanya media sosial di kehidupan sehari-hari. Maka dari itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana metode baru yang dilakukan oleh Hanan Attaki dalam menyiarkan syiar Islam di era konvergensi media. Oleh itu, hasil yang didapatkan dalam kajian ini Hanan Attaki merupakan seorang pendakwah /ustaz yang terkenal di kalangan anak muda, gaya dakwahnya yang masa kini membuat Hanan Attaki memiliki banyak pengikut di media sosial Instagram.⁹

Selain itu, Muhammad Rizky Nur Atsani telah menjalankan kajian yang menjelaskan tentang salah satu ustaz muda Bandung bernama Hanan Attaki. Kekuatan massa beliau di media sosial begitu besar karena memang target yang dituju adalah anak mudaserta cara penyampaian dakwah yang lebih segar dari para ustaz sebelumnya. Dalam kajian ini penulis berusaha menjelaskan mengenai konsep retorika yang disampaikan oleh Aristoteles dengan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Hanan Attaki. Temuan yang dihasilkan adalah latar belakang budaya Hanan yang berasal dari Aceh serta menetap di Bandung berpengaruh dengan bagaimana ia berbicara kepada publik. Keadaan sosial yang terjadi di lingkungan pendengarnya, terutama anak muda, juga menjadi alasan mengapa dakwah beliau mudah diterima dalam masyarakat.¹⁰

Sumbangan media sosial dalam dakwah

Satu kajian lain juga telah dijalankan oleh Anis et al. (2022) dimana kajian ini dilakukan untuk mengetahui sejauh mana penyampaian dakwah melalui media sosial dapat memberi impak kepada remaja dalam kehidupan harian mereka. Oleh hal yang demikian, hasil kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan dakwah melalui media sosial dapat memberi impak positif dan negatif terhadap diri remaja.¹¹

Definisi Hadith

Al-Hadith merupakan sumber islam yang kedua selepas Al-Quran. Al-Quran dan Hadis keduanya merupakan sumber hukum yang sangat kuat bagi membahaskan sesuatu hukum-hakam di dalam Islam. Hadis adalah setiap apa yang datang daripada Rasulullah S.A.W sama ada melalui kata-kata, perbuatan, pengakuan, akhlak dan fizikal. Definisi hadis mengandungi empat unsur iaitu perkataan, perbuatan, pernyataan dan sifat-sifat atau keadaan-keadaan Nabi Muhammad S.a.w yang lain, yang hanya disandarkan kepada baginda sahaja.

Perkataan: Yang dimaksudkan dengan perkataan Nabi Muhammad s.a.w ialah perkataan yang pernah baginda ucapkan dalam berbagai bidang seperti syariat, akidah, akhlak, pendidikan dan sebagainya.

Perbuatan: Perbuatan Nabi Muhammad s.a.w. Ianya merupakan penjelasan praktikal dari peraturan-peraturan yang belum jelas cara pelaksanaannya.

Taqrir: Maksud taqrir adalah ketika dimana baginda berdiam, tidak menolak atau menyetujui apa yang telah dilakukan atau diperkatakan oleh para sahabat dihadapan baginda.

Sifat-sifat, Keadaan dan Himmah (hasrat) Rasulullah s.a.w.: Sifat-sifat baginda yang termasuk dalam unsur hadis ialah sifat-sifat yang digambarkan oleh para sahabat mengenai sifat jasmani baginda dan sebagainya.

⁹Parhan, M., Prihatini, Alifa, S., Riezky, P., Kunci, K., Attaki, H., Media, K., & Metode. (n.d.). Analisis Metode Baru Dakwah Hanan Attaki Di Era Konvergensi Media:(Studi Deskriptif Pada Akun Instagram @Hanan_Attaki) ANALISIS METODE BARU DAKWAH HANAN ATTAKI DI ERA KONVERGENSI MEDIA (Studi Deskriptif Pada Akun Instagram @hanan_attaki). Komunida: Media Komunikasi Dan Dakwah, Vol. 10, P. 175–196.

¹⁰Muhammad Rizky Nur Atsani (2019), Hanan Attaki : Retorika Berbasis Budaya,

¹¹Nur, A., Fakulti, A., Quran, P., Sunnah, D., Jannah, R., Fakulti, A., Khalida, N., Fakulti, K., Syed, N., Syed, H., Fakulti, P., Quran, D., & Sunnah. (2022). MEDIA SOSIAL SEBAGAI PLATFORM PENYAMPAIAN DAKWAH: IMPLIKASINYA TERHADAP REMAJA. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke, 7*, 415

Dewasa ini, penggunaan hadis semakin diambil mudah dan dipandang ringan sehinggakan ramai dikalangan umat islam sendiri mengguna dan menyebarkan hadis palsu untuk kehidupan harian mereka. Pada zaman moden sangat kompleks ini, kehidupan sangat jauh berbeza dengan zaman sebelumnya. Kita dapati muncul banyak kelompok dengan pelbagai pemahaman dalam aliran Islam. Antara faktornya, perbezaan dalam memahami hadis. Cara pendekatan keliru tentunya menghasilkan pemahaman keliru, bahkan boleh membawa kepada perpecahan dan fanatik sesama sendiri. Bagi mendalami bidang hadis, sudah tentu seseorang penuntut perlu menguasai bidang tersebut bagi mencapai matlamat utama pembelajaran hadis iaitu dapat mengamalkan hadis yang diterima pakai dan seterusnya mencapai kesejahteraan hidup, baik di dunia mahupun di akhirat.


PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini tertumpu kepada pelajar universiti awam iaitu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), yang seperti kita tahu majoritinya beragama Islam. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pendedahan pelajar tentang sumbangan ustaz Hanan Attaki berkaitan hadith melalui media sosial iaitu di aplikasi youtube.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini dijalankan oleh 36 pelajar dari pelbagai fakulti bagi mengetahui sejauh mana pengetahuan mereka tentang ustaz Hanan Attaki dan sumbangannya. Kami menggunakan *Google Form* sebagai platform untuk soal selidik kepada pelajar yang terdiri daripada 9 soalan yang berkaitan dengan 3 objektif kajian ini.

LATAR BELAKANG RESPONDEN




Rajah 1: Jantina responden



Rajah 2: Tahun pengajian

Bil	Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
1	Jantina	Lelaki	7	19%
		Perempuan	29	81%
2	Tahun pengajian	Tahun 3	1	3%
		Tahun 4	35	97%
JUMLAH RESPONDEN			36	100%

Jadual 1: Latar Belakang Responden




Rajah 3: Mengenalpasti kehadiran Ustaz Hanan Attaki

Rajah 3 menunjukkan peratusan responden tentang kewujudan ustaz Hanan Attaki di media social. Daripada 36 orang responden, 82% mewakili 33 orang yang mengenali ustaz Hanan Attaki dan hanya 18% iaitu 7 orang yang tidak mengenali beliau. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden lebih mengetahui kewujudan beliau di laman media social.

Seperti yang kita tahu, laman media social tidak lagi asing dan menjadi keperluan masyarakat kini yang ingin mencari maklumat tentang isu semasa ataupun ingin menambah ilmu pengetahuan. Kehadiran ustaz Hanan Attaki di laman social telah menyumbangkan ilmu beliau


kepada masyarakat dalam bentuk ceramah yang telah diselitkan dengan hadis yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat yang mendengarnya.



Rajah 4: Paras pengetahuan masyarakat tentang ustaz Hanan Attaki

Rajah 4 menunjukkan peratusan paras pengetahuan masyarakat tentang ustaz Hanan Attaki. Daripada 36 responden, sebanyak 13% yang diwakili oleh 5 responden yang menyatakan tidak mengenali beliau, 20% mewakili 8 responden yang mengenali ustaz Hanan Attaki sekadar nama beliau sahaja dan yang terpalang tinggi iaitu sebanyak 35% yang mewakili 14 responden yang mengenali beliau dengan melihat ceramah beliau yang ada di laman social. Selain itu, sebanyak 25% yang diwakili oleh 10 responden yang menyadari kehadiran dan impak ceramah daripada beliau kepada masyarakat. Akhir sekali, sebanyak 8% yang mewakili 3 responden yang mengambil tahu latar belakang kehidupan ustaz Hanan Attaki dan mengaplikasikan intipati dakwah beliau dalam kehidupan mereka.


Kesimpulannya, mengikut rajah yang telah ditunjukkan, peratusan yang mengenali beliau dalam kehidupan masyarakat lebih tinggi daripada peratusan yang tidak mengenali beliau walaupun dilaman social ataupun di alam nyata.



Rajah 5: Mengenalpasti masyarakat mendengar ceramah ustaz Hanan Attaki

Rajah 5 menunjukkan peratusan masyarakat yang pernah mendengar ceramah ustaz Hanan Attaki. Daripada 40 responden, sebanyak 83% yang mewakili 33 responden yang mendengar ceramah beliau di media social dan 18% yang mewakili 7 orang yang tidak pernah mendengar ceramah dari beliau.


Perkara ini menunjukkan bahawa, ilmu yang disampaikan oleh beliau dalam bentuk ceramah telah menarik minat masyarakat untuk mendengar ceramah beliau. Seperti yang kita tahu, isi kandungan yang terdapat di dalam ceramahnya itu bukan hanya untuk menambah ilmu semata mata bahkan untuk menaikkan semangat masyarakat yang mana sebahagian mereka sedang tiada keyakinan diri dan hilang nilai murni kerana dipengaruhi oleh media social juga. Tambahan lagi, bahasa yang digunakan oleh beliau di dalam ceramahnya sangat mudah difahami dan sangat santai yang membuatkan masyarakat suka mendengar ceramah beliau



Rajah 6: Keberkesanan mesej dakwah dari ustaz Hanan Attaki

Rajah 6 menunjukkan bahawa seramai 3 responden iaitu 8% yang tidak terkesan dengan ceramah ustaz Hanan Attaki kerana kemungkinan yang menyatakan hal ini tidak mengenali dan mengetahui kewujudan beliau. Selain itu, sebanyak 10% yang mewakili 4 responden yang menyatakan mereka hanya mendengar dan melihat mesej yang disampaikan tetapi tidak terkesan dengan ceramah beliau. Selanjutnya, sebanyak 25% yang mewakili 10 responden yang menyatakan mereka terkesan dengan intipati yang disampaikan oleh ustaz Hanan Attaki dan sebanyak 35% yang mewakili 14 responden yang terkesan dengan mesej yang disampaikan dan mengaplikasikannya di dalam diri mereka untuk memperbaiki diri mereka. Akhir sekali, sebanyak 23% yang mewakili 9 responden yang sangat arif dan menunjukkan minat dengan mesej yang disampaikan oleh ustaz Hanan Attaki kerana mereka bukan sahaja mengaplikasikannya untuk diri mereka malah mereka menyebarkan mesej – mesej itu kepada masyarakat lain supaya mereka juga dapat ilmu yang bermanfaat dari ustaz Hanan Attaki.


Tuntasnya, mesej dan isi yang disampaikan oleh beliau sangat memberikan inspirasi kepada masyarakat bukan hanya untuk di dunia malah untuk diakhirat juga. Hal ini kerana, setiap dakwah yang disampaikan beliau akan menyelitkan hadis yang berkait untuk menunjukkan kepada masyarakat bahawa kita perlu mengimbangi dunia dan akhirat.



Rajah 7: Platform yang digunakan

Berdasarkan rajah 7, platform yang paling ramai digunakan ialah platform Youtube. Seramai 37% yang mewakili 15 responden yang menggunakan media youtube. Selain itu, aplikasi tiktok juga telah menjadi platform kepada masyarakat untuk menonton ceramah beliau dengan 35% yang mewakili 14 responden dan diikuti dengan aplikasi Instagram dengan pencapaian sebanyak 20% yang mewakili 8 responden. Akhir sekali, seramai 3 responden iaitu 8% yang menonton ceramah ustaz Hanan Attaki di media social facebook.

Hal ini membuktikan bahawa aplikasi youtube dan tiktok telah menjadi medan utama bagi masyarakat kini. Erti kata, ia menjadi viral kerana kemajuan yang ada pada aplikasi tersebut yang telah menarik minat masyarakat dengan content yang bagus dan patut dicontohi.



Rajah 8: Cara penyampaian ustaz Hanan Attaki

Berdasarkan rajah 8, bar yang pertama menunjukkan seramai 2 responden iaitu 5% yang langsung tidak menarik minat masyarakat untuk melihat ceramah ustaz Hanan Attaki. hal ini berlanjutan apabila mereka tidak memahami isi yang disampaikan kerana mereka tidak menonton. Selanjutnya, sebanyak 3% yang mewakili seorang responden sahaja yang sudah melihat video beliau tetapi tidak memahami isinya kerana mungkin bahasan dan loghatnya yang berasal dari Indonesia menjadikan keliru kepada responden tersebut. Seterusnya, sebanyak 30% yang mewakili 12 responden yang memahami penyampaian dari ustaz Hanan Attaki yang

menggunakan bahasa yang mudah, tidak formal dan disenangi masyarakat. Akan tetapi untuk mereka menerangkan semula, mereka tidak mampu kerana tahap kefahaman mereka rendah. Peratusan yang paling banyak untuk mengetahui adakah cara penyampaian ustaz Hanan Attaki itu menarik dan mudah difahami adalah sebanyak 43% yang mewakili 17 responden. Hal ini membuktikan bahawa cara penyampaian beliau sangat disenangi oleh masyarakat kerana cara beliau yang sangat bersahaja tetapi berkesan kepada masyarakat. Akhir sekali, seramai 20% yang mewakili 8 responden yang sangat memahami mesej – mesej yang disampaikan oleh ustaz Hanan Attaki sehingga mereka dapat menyebarkan mesej – mesej tersebut kepada masyarakat lain dengan cara mereka tersendiri.

Soalan terakhir yang diberikan dalam *google form* yang kami sediakan adalah tentang pendapat individu tentang sumber hadis yang digunakan oleh ustaz hanan attaki itu berguna dan memberikan manfaat kepada diri mereka dan mereka perlu menyatakan sebab pendapat mereka itu sendiri. Terdapat pelbagai pendapat masyarakat yang dapat disimpulkan dan diantara mereka mempunyai pendapat yang sama tentang ustaz hanan attaki ini. Antara pendapat yang sama ialah, mereka amat mengagumi ustaz tersebut kerana beliau menyampaikan dakwah yang dapat memberikan manfaat kepada diri mereka sekaligus memberi kesedaran tentang islam untuk memperbaiki diri sendiri. Selain itu, ada juga beberapa responden yang tidak mengenali beliau, mereka berpendapat bahawa kewujudan ustaz tersebut tidak memberikan sebarang impak dan kesan kepada mereka kerana tidak mengenali dan tidak mengetahui sumbangan ustaz tersebut dalam menyebarkan dakwah islam. Tambahan lagi, ada juga responden yang berkata seperti ini “ceramah yang disampaikan oleh ustaz hanan attaki bukan sahaja dapat menambah ilmu agama bahkan dapat memberikan inspirasi dan motivasi dalam kehidupan”. Pendapat – pendapat responden ini menunjukkan bahawa usaha ustaz hanan attaki dalam menyebarkan dakwah mendapat sambutan yang positif dan banyak memberikan manfaat kepada masyarakat bukan sahaja dalam bidang dakwah bahkan dapat membentuk jati diri dengan lebih keyakinan tanpa mudah dipengaruhi oleh budaya orang barat.

Rujukan

- Arif Amdan Sulaeman, Anhar Fazri, Fairus (2020), Strategi Pemanfaatan YouTube Dalam Bidang Dakwah Oleh Ulama Aceh, Vol. 11 (1). <https://journal.budiluhur.ac.id/index.php/comm/article/viewFile/1009/777>
- Kunci: Media, K., Sosial, I., Negatif, P., Individu, Masyarakat, N., Abd Rahman, S., Nur Husna, M., Kashim, M., Izhar Ariff, Pitchan, M., Adnan ; Abd Razak, S., Rashidah, Hamzah, Haslina, Rashed, Z., Nurzuliana ; Abdul Halim, Z., Zakirah, Azmi, D., Salsabila, & Marni. (2017). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia. Journal of Social Ad Humanities, Special Issue, 12(3), 3–19. http://eprints.utm.my/id/eprint/85046/1/3%20NurulAfizaRazali2019_MediaSosialdanimpaknegatif.33-48.pdf
- MEGA INDAH, 12311173001, & BOBBY RACHMAN SANTOSO, M. S. I. (2021, March 3). KONSEP DAKWAH USTADZ HANAN ATTAKI TENTANG PERILAKU REMAJA DI ERA MILLENNIAL. Repo.uinsatu.ac.id. <http://repo.uinsatu.ac.id/19064/>
- Mior Kamarulbaid, A. (2015). Kesan penggunaan media sosial terhadap perpaduan ummah di kalangan masyarakat Islam di Malaysia / Afiqah Mior Kamarulbaid ... [et al.], P. 620-626. Ir.uitm.edu.my. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/16673/>
- Muhammad Rizky Nur Atsani (2019), Hanan Attaki : Retorika Berbasis Budaya, www.academia.edu.[https://www.academia.edu/41258193/Hanan Attaki Retorika Berbasis Budaya](https://www.academia.edu/41258193/Hanan_Attaki_Retorika_Berbasis_Budaya)
- Noradilah Abdul Wahab, Muhamad, N., & Mohd Sani Ismail. (2019). MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM DAKWAH MASA KINI [SOCIAL MEDIA AS A MEDIUM DAKWAH NOWADAYS]. AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal, 2(1), 14–23. <https://www.al-qiyam.net/index.php/issj/article/view/35>
- Nur, A., Fakulti, A., Quran, P., Sunnah, D., Jannah, R., Fakulti, A., Khalida, N., Fakulti, K., Syed, N., Syed, H., Fakulti, P., Quran, D., & Sunnah. (2022). MEDIA SOSIAL SEBAGAI PLATFORM PENYAMPAIAN DAKWAH: IMPLIKASINYA TERHADAP REMAJA. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke, 7, 415. [http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak7/eprosiding2022/PASAK7_046 ANI S.pdf](http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak7/eprosiding2022/PASAK7_046_ANI_S.pdf)
- Nurjaman, T., & Herlina, R. (2021). PERSONAL BRANDING USTAD HANAN ATTAKI DI MEDIA SOSIAL. Professional: Jurnal Komunikasi Dan Administrasi Publik, 8(1), 22–29. <https://jurnal.unived.ac.id/index.php/prof/article/view/1545>
- Parhan, M., Prihatini, Alifa, S., Riezky, P., Kunci, K., Attaki, H., Media, K., & Metode. (n.d.). Analisis Metode Baru Dakwah Hanan Attaki Di Era Konvergensi Media:(Studi Deskriptif Pada Akun Instagram @Hanan_Attaki) ANALISIS METODE BARU DAKWAH HANAN ATTAKI DI ERA KONVERGENSI MEDIA (Studi Deskriptif Pada Akun Instagram @hanan_attaki). Komunida: Media Komunikasi Dan Dakwah, Vol. 10, P. 175–196. <https://doi.org/10.35905/komunida.v7i2>
- Rahmayani, S. (2019, May 17). Tanggapan Mahasiswa Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi Terhadap Dakwah Ustaz Hanan Attaki Melalui Media YouTube Pemuda Hijrah. Idr.uin-Antasari.ac.id. <http://idr.uin-antasari.ac.id/12629/>
- Rokiah, S., Rahman, A., & Adam, F. (2015). KREDIBILITI YOUTUBE SEBAGAI MEDIUM PEMBELAJARAN AGAMA DALAM PERADABAN ISLAM KONTEMPORARI (pp. 978–967). [https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/69 -_Siti Rokiah Ab Rahman.pdf](https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/69_-_Siti_Rokiah_Ab_Rahman.pdf)
- Selvia Putri Melami. (2022, January 11). Persepsi Anak Muda Muslim Pekanbaru terhadap Dakwah Ustaz Hanan Attaki di Youtube. Repository.uin-Suska.ac.id. <http://repository.uin-suska.ac.id/58656/>

- Sikumbang, A., Fitra, R., & Siahaan, U. (n.d.). YOUTUBE AS A DA'WAH MEDIA. 26(2), 304–322. <https://doi.org/10.22373/albayan>
- Syams, S. (2019). PEMAKNAN HADIS OLEH HANAN ATTAKI DALAM DAKWAHNYA DI YOUTUBE. *Jurnal Living Hadis*, 4(2), 209. <https://doi.org/10.14421/livinghadis.2019.1850>
- Zulfikar Ghazali (2016), PEMANFAATAN MEDIA SOSIAL FACEBOOK SEBAGAI MEDIA DAKWAH DALAM MASYARAKAT VIRTUAL, Vol. IV (1) Hadi, M. J. (2019). [Www.academia.edu.https://www.academia.edu/82483948/Pemanfaatan_Media_Sosial_Facebook_Sebagai_Media_Dakwah_Dalam_Masyarakat_Virtual](https://www.academia.edu/82483948/Pemanfaatan_Media_Sosial_Facebook_Sebagai_Media_Dakwah_Dalam_Masyarakat_Virtual)